

**SENARAI DOKUMEN YANG DIPERLUKAN UNTUK PENDAFTARAN
(KES MAL / PERMOHONAN PENYELESAIAN/PENJELASAN HUTANG SI MATI)
(KOD KES : 315)**

**PENDAFTARAN DI MAHKAMAH RENDAH/TINGGI SYARIAH:
(Mengikut jumlah nilai Harta Si Mati)**

Setiap **PLIDING** hendaklah **BERTAIP** dan disediakan sebanyak **2 SALINAN** termasuklah dokumen seperti butiran di bawah.

BIL	DOKUMEN YANG DIPERLUKAN	BIL. SALINAN	SEMAKAN PELANGGAN	SEMAKAN MAHKAMAH
1.	Notis Permohonan (Borang MS 3) dan Afidavit (Borang MS 26).	2		
2.	Salinan Kad Pengenalan / Kad Pengenalan Polis/Tentera / MyPR / MyKAS / Passport (Pemohon). <i>Nota: Pemohon berstatus bukan warganegara pemegang Passport hendaklah mengemukakan salinan Visa yang terkini dan Surat Akuan Pengesahan Pemastautinan Tempat Tinggal daripada Imam Kariah / Pegawai Masjid.</i>	2		
3.	Surat Akuan Pengesahan Pemastautinan Tempat Tinggal daripada Imam Kariah / Pegawai Masjid. <i>Nota: Sekiranya alamat tempat tinggal Pemohon di Kad Pengenalan / dokumen pengenalan diri beralamat di luar kawasan / bidangkuasa Wilayah Persekutuan, dokumen di atas perlu dikemukakan. Rujukan: Arahan Amalan Mahkamah Syariah No. 8 Tahun 2019.</i>	2		
4.	Surat Pengesahan Tempat Tinggal oleh Majikan (Pemohon). <i>Nota: Bagi Anggota Polis</i>	2		
5.	Surat Pengesahan Tempat Tinggal oleh Majikan DAN Laporan KAGAT (Pemohon). <i>Nota: Bagi Anggota Tentera/Pasangan. Rujukan: Arahan Amalan Mahkamah Syariah No. 1 Tahun 2017.</i>	2		
6.	Salinan Sijil Kematian / Permit Penguburan / Perintah Anggapan Mati / Carian Daftar Kematian (JPN) Si Mati.	2		
7.	Salinan Kad Pengenalan Waris-Waris Si Mati.	2		
8.	Salinan Sijil Kelahiran Anak-Anak Si Mati.	2		
9.	Salinan Sijil Kematian / Permit Penguburan / Perintah Anggapan Mati / Carian Daftar Kematian (JPN) Ibu/Bapa Si Mati. <i>Nota: Sekiranya Keputusan Carian Daftar Kematian (JPN) adalah "Tiada Pendaftaran" atau permohonan tidak diluluskan, saksi berkenaan kematian perlu dikemukakan semasa bicara.</i>	2		
10.	Salinan Sijil Kematian / Permit Penguburan / Perintah Anggapan Mati/ Carian Daftar Kematian (JPN) Datuk/Nenek Sebelah Bapa Si Mati/ Nenek Sebelah Ibu Si Mati. <i>Nota: Sekiranya Keputusan Carian Daftar Kematian (JPN) adalah "Tiada Pendaftaran" atau permohonan tidak diluluskan, saksi berkenaan kematian perlu dikemukakan semasa bicara.</i>	2		
11.	Salinan Surat Perakuan Nikah / Surat Perakuan Cerai / Surat Perakuan Rujuk Si Mati.	2		

12.	Salinan Dokumen Pemilikan Harta Si Mati.	2		
13.	Pengenalpastian Ekshibit (Borang MS 27) Nota: Bilangan salinan hendaklah disediakan mengikut bilangan dokumen-dokumen yang ditandakan sebagai Ekshibit di dalam Afidavit yang diikrarkan.	2		
14.	Borang Pendaftaran. (Salinan Asal sahaja)	1		

PANDUAN:

1. Sila sediakan pliding dan dokumen-dokumen di atas dengan lengkap dan jelas sebelum pendaftaran.
2. Penyediaan pliding hendaklah dalam Bahasa Melayu sahaja dan sekiranya pihak-pihak atau salah satu pihak tidak boleh menguasai Bahasa Melayu, pliding hendaklah diterjemahkan ke dalam bahasa lain mengikut penguasaan pihak tersebut (dwibahasa). (Rujukan S. 232 [Akta 585])
3. Borang Pendaftaran hendaklah diisi dengan lengkap, kemas, jelas dan mudah untuk dibaca.
4. Setiap salinan pliding dan dokumen hendaklah disediakan dengan menggunakan kertas putih bersaiz putih A4, tulisan jenis Arial, bersaiz 12 dan berjarak baris 1.15.
5. Setiap pernyataan dalam afidavit yang perlu kepada pembuktian dokumen hendaklah dilampirkan dokumen tersebut sebagai Pengenalpastian Ekshibit secara berasingan (tidak dibenarkan secara kolektif). (Rujukan : Seksyen 71 dan Seksyen 114 [Akta 585]).
6. Permohonan hendaklah didaftarkan oleh **Pemohon/Pegum Syarienya** yang telah berwakalah sahaja.
7. Pendaftaran tidak akan diproses **SEKIRANYA GAGAL** mengemukakan dokumen-dokumen di atas dengan lengkap. (Rujukan : Seksyen 208 (c) dibaca bersama Seksyen 71 dan Seksyen 114 [Akta 585]).
8. Dokumen-dokumen **ASAL** hendaklah dibawa bersama semasa **pendaftaran** dan **sebutan/bicara** di hadapan Hakim/Pendaftar.
9. Kos penyediaan pliding, dokumen dan pendaftaran hendaklah ditanggung oleh **Pemohon** atau **Pegum Syarienya**.

RUJUKAN :

[Akta 303] :

Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984

[Akta 505] :

Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993

[Akta 585] :

Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998

Pegawai Bertugas :

(Pendaftar)

Tarikh :